

BINCANG ISU KANAK-KANAK

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



BERAKAS, Khamis, 3 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) meneruskan lagi Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Kali Ke-X (ICON-IMAD X) dengan sesi Forum Khas dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Forum Khas yang membawakan tema 'Melestari Islam di Alam Melayu dalam Era Kontemporari : Isu Perlindungan Kanak-Kanak' menampilkan tiga panel jemputan bagi sama-sama membincangkan mengenai isu perlindungan kanak-kanak.

Dua ahli panel terdiri daripada

Pegawai-pegawai KKBS iaitu Penolong Pengarah Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Siti Zaharah binti Haji Abdul Razak dan Pegawai Pembangunan Masyarakat, Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya dan seorang ahli panel merupakan tenaga akademik di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA, Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad.

Sementara moderator forum ialah Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit. Semasa forum tersebut, Dayang Siti Zaharah dalam ulasannya telah mengupas mengenai isu kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD) seperti penderaan, pengabaian dan sebagainya.

Beliau menyatakan bahawa talian bantuan di talian 121 atau 141 memang ada digunakan oleh masyarakat membuat aduan mengenai isu kanak-kanak sama

ada daripada mangsa sendiri mahupun dari orang yang terdekat.

Intervensi juga akan dibuat untuk melindungi kanak-kanak ini setelah melalui beberapa Prosedur Operasi Standard.

Sementara itu, Dayang Nurul Nazurah mengongsikan Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak yang lebih dikenali sebagai NFCCP.

Mereka mempunyai enam teras yang bertugas untuk lebih mengemaskan dan meningkatkan kerja penguatkuasaan untuk perlindungan kanak-kanak di NBD dengan lebih efisien.

Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad pula mengongsikan kajiannya mengenai 'Legal and Policy Frameworks For Childs Rights Protection In Brunei Darussalam'.

Projek penyelidikan ini masih berjalan dan beliau mengongsikan beberapa dapatan antaranya mencadangkan pihak yang relevan untuk mengemas kini perundangan berkaitan kanak-kanak yang mempunyai kelainan upaya dan menjelaskan dengan terperinci



HADIR bagi sama-sama menyaksikan forum tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (depan, tengah) yang juga menyampaikan sijil kepada ahli panel forum (atas), manakala gambar bawah, sekitar suasana forum tersebut.

beberapa definisi seperti sumbang mahram dan definisi kanak-kanak itu sendiri.

Juga hadir bagi sama-sama menyaksikan forum tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah yang seterusnya menyampaikan sijil kepada ahli-ahli panel

forum.

Forum Khas di dalam ICON-IMAD X ini merupakan antara pengisian yang diadakan dalam Brunei Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE) 2021 yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) bagi sepanjang bulan Jun ini.

COVID-19 : 490 jalani pengasingan diri

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Jun. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah tiada ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah seramai 244 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 392 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 103 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, 10 kes aktif masih menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan pada hari ini juga, satu kes telah disahkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 231 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 490 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 19,348 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 583 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 129,862 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



Denda gagal hadapkan Penyata Cukai Pendapatan

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Jun. - Pada bulan April 2021, tiga buah syarikat tempatan diarahkan untuk membayar denda setelah wakil syarikat tersebut mengaku bersalah di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggaj 35).

Star Trading & Printing (B) Sdn. Bhd. dikenakan denda sebanyak BND4,000 kerana gagal hadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun

Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013, 2014, 2015, 2016 dan 2017.

Sementara itu, Jimeco Sdn. Bhd. dan Intrepid Management Services Sdn. Bhd. masing-masing dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal hadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018.

Bahagian Hasil, Kementerian

Kewangan dan Ekonomi sukacita ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 untuk menghadapi Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30 Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan.

Kegagalan untuk menghadapkannya adalah satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35 di mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda sebanyak BND10,000 dan jika gagal membayar akan dipenjarakan selama 12 bulan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun **Pengguna Bijak**

Available on the App Store and Google Play.